



SIARAN MEDIA

KPKT GALAKKAN 156 PBT LAKSANAKAN LANGKAH PENJIMATAN TENAGA SECARA HOLISTIK DAN MAMPAN DENGAN SEGERA

PUTRAJAYA, 13 April 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menggesa semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara untuk **memperkukuhkan pelaksanaan langkah-langkah perancangan dan penjimatan tenaga di peringkat tempatan** dengan kadar segera. Ia selaras dengan arahan Kerajaan Persekutuan bagi menangani cabaran krisis tenaga global yang kian meruncing.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming menjelaskan "Sebagai agensi yang bertanggungjawab menyelaras pentadbiran PBT, KPKT komited memastikan semua 156 PBT mengambil langkah proaktif dan terancang untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga di bangunan, segala fasiliti dan operasi harian mereka. Kerajaan MADANI sentiasa memimpin dengan teladan dan memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tidak boleh dikompromi. **PBT perlu memastikan operasi harian dan urusan di kaunter tetap berjalan lancar serta efisien bagi memenuhi keperluan rakyat,**" ulas beliau.

Langkah-langkah penjimatan tenaga bukan sahaja mengurangkan kos operasi kerajaan, malah menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan matlamat pembangunan rendah karbon negara. **Langkah-langkah utama yang disyorkan kepada PBT** termasuk berikut :

1. Penetapan suhu penyaman udara minimum pada 24°C di semua bangunan dan pejabat PBT;
2. Pelaksanaan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) secara berperingkat dan terpilih bermula 15 April 2026, bagi mengurangkan penggunaan tenaga termasuk petrol dan kesesakan lalu lintas;

3. Amalan penjimatan harian termasuk mematikan lampu, komputer dan segala peralatan elektrik apabila tidak digunakan, serta menggalakkan kakitangan memakai pakaian sesuai iklim tropika (seperti batik atau kemeja korporat) untuk mengurangkan kebergantungan kepada penyaman udara;
4. Peningkatan penggunaan teknologi hijau seperti pemasangan panel solar fotovolta, lampu LED cekap tenaga dan sistem pengurusan bangunan pintar di fasiliti PBT;
5. Audit tenaga berkala dan perancangan jangka panjang bagi mengenal pasti peluang penjimatan di bangunan, lampu jalan, pasar awam, taman rekreasi dan infrastruktur tempatan; dan
6. Promosi kesedaran komuniti melalui kempen setempat supaya penduduk turut mengamalkan penjimatan tenaga di rumah dan premis perniagaan.

KPKT akan mengeluarkan surat edaran melalui JKT kepada semua PBT bagi memastikan pelaksanaan yang seragam dan berkesan. Pengawasan akan dilakukan secara berkala bagi mengukur impak penjimatan yang dicapai.

“Penjimatan tenaga di peringkat PBT adalah sebahagian daripada usaha holistik Kerajaan untuk memperkukuh ketahanan negara terhadap cabaran global. Setiap kilowatt yang dijimatkan menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau dan lestari untuk generasi akan datang,” tambah YB Nga.

KPKT mengalu-alukan kerjasama erat daripada semua PBT, agensi berkaitan dan komuniti setempat dalam merealisasikan agenda demi kelangsungan ekonomi negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my



